

26 JAN 1998

Hasmah-Wanita

SITI HASMAH NASIHATI WANITA JUAL EMAS LABUR DI BANK

KOTA BAHARU, 26 Jan (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menasihati wanita di negara ini supaya menjual barangan kemas mereka dan menyimpan duitnya dalam institusi kewangan untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Dalam keadaan ekonomi sekarang adalah wajar semua wanita yang mempunyai banyak barangan kemas supaya berbuat demikian sebagai sebahagian cara untuk memulihkan keadaan ekonomi negara melalui tabungan.

"Saya lihat wanita-wanita Kelantan boleh membantu negara dalam soal ini kerana mereka mempunyai banyak barangan kemas," katanya kepada pemberita selepas melawat Pasar Siti Khadijah di sini, hari ini.

Siti Hasmah yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasmi sehari ke Kelantan, diiringi oleh isteri Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datin Rosnah Abdul Rahman dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Baharu, Nordin Yaakub.

Pasar Siti Khadijah adalah kawasan perniagaan terkenal di negeri ini yang sebahagian besarnya dikendalikan oleh kaum wanita.

Dalam lawatan selama setengah jam itu Siti Hasmah turut membeli beberapa jenis kuih tradisional Kelantan.

Kemudian Siti Hasmah dibawa ke Kampung Kubang Laka, Peringat kira-kira 20 km dari sini untuk merasmikan program Satu Kampung Satu Produk dan penyampaian bantuan orang miskin.

Ketika berucap, beliau meminta wanita memberikan sumbangan bagi memastikan program satu produk bagi setiap kampung berjaya.

Beliau berkata, selain meningkatkan pendapatan surirumah, pembabitan kaum wanita bagi meningkatkan pengeluaran barangan tempatan boleh memulihkan kembali keadaan ekonomi negara.

"Kerajaan akan memberi segala dorongan dan sokongan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam program itu sebagai satu cara membasmi kemiskinan khususnya di Kelantan yang mempunyai bilangan rakyat termiskin tertinggi di negara ini," katanya.

Hasmah kemudian menyampaikan sumbangan wang sebanyak RM30 seorang kepada 100 orang anak yatim, sebelum menyertai Dr Mahathir berbuka puasa di kediaman Datuk Annuar Musa di Sri Puri, Peringat.

Dr Mahathir dan Siti Hasmah dijangka balik ke Kuala Lumpur pada pukul 10 malam ini. -- BERNAMA

ZI PR